# LAPORAN PELAKSANAAN KAWALAN DI PELAN PEMULIHAN RISIKO KESELAMATAN MAKLUMAT

| Bil | Perkara | Tindakan kawalan | Tahap risiko | | Pelan pemulihan risiko |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Sebelum | Selepas | |
| 1. | Bangunan yang menempatkan Pusat Data Utama di Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) Beta dijangka akan menjadi ancaman kepada kesinambungan perkhidmatan Pusat Data/ICT, berdasarkan risiko berikut:<br>a. Usia bangunan melebihi 50 tahun serta tidak pernah melalui proses pemeriksaan layak diduduki.<br>b. Kedudukan Pusat Data di aras bawah (G floor) adalah berisiko tinggi (banjir) serta tidak mematuhi garis panduan pembangunan Pusat Data oleh pihak *Uptime Institute* (keperluan: aras satu).<br>**(Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi)** | Merancang pembangunan Pusat Data baharu. Namun begitu kelulusan peruntukan belum diperolehi dan perancangan ini belum dapat dilaksanakan. | High | High | Pusat Data akan beroperasi di lokasi sediaada (Bangunan iDEC BETA) dengan melaksanakan kawalan:<br>• pemeriksaan bangunan selamat diduduki;<br>• mitigasi (mitigation) untuk mengelak banjir di kawasan persekitaran bangunan tersebut.<br>Nota: Tahap risiko masih lagi dikategorikan sebagai *high* disebabkan risiko bagi tindakan kawalan yang dipersetujui belum dapat dinilai. |

| **Bil** | **Perkara** | **Tindakan kawalan** | **Tahap risiko** | | **Pelan pemulihan risiko** |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | **Sebelum** | **Selepas** | |
| 2. | Pembayaran yuran pendaftaran secara tunai (30%) adalah terdedah kepada risiko.<br><br>**(Pejabat Bursar)** | 1. Mengeluarkan surat kuasa kepada setiap pegawai yang membuat kutipan di setiap zon.<br><br>2. Mengambil insuran bagi *cash in transit* dan pegawai yang membawa tunai dalam proses transit. | Medium | Medium | Sifar bayaran yuran pendaftaran secara tunai melalui kaedah pembayaran secara *online* melalui kemudahan "Jom PAY". |
| 3. | Pelaksanaan naiktaraf elektrik Pusat Pemulihan Data.<br><br>**(Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi & Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset)** | Proses naiktaraf telah dilaksanakan pada Disember 2015 | Medium | Low | Penyelenggaran dan pemantauan kemudahan elektrik pusat data |
| 4. | Masih terdapat komputer lama (sistem pengoperasian (OS) yang telah luput) yang digunakan oleh pihak kolej untuk tujuan pendaftaran pelajar yang berisiko dari aspek keselamatan.<br><br>**(Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi & Kolej Kediaman)** | Melaksanakan kajian keperluan komputer baharu untuk kolej kediaman | Medium | Medium | Cadangan menggunakan komputer sewaan untuk kegunaan kolej kediaman. |